

**Pas tetap mahu hudud walau DAP bantah  
Utusan Online  
14 Mei, 2012**

SHAH ALAM 13 Mei - Pas tetap akan melaksanakan hukum hudud di negara ini meskipun mendapat bantahan daripada rakan sekutunya dalam pakatan pembangkang, DAP.

Timbalan Pesuruhjaya III Pas Selangor, Khalid Abdul Samad berkata, walaupun mereka sekutu, tidak bermakna Pas tidak boleh menyatakan prinsipnya untuk melaksanakan hudud tersebut.

"Yang paling penting ialah Pas teruskan usaha untuk mendapatkan sokongan masyarakat termasuk menerangkan isu sebenar mengenai agenda bagi melaksanakan hudud," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Pengerusi DAP, Karpal Singh yang membidas kenyataan Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang berhubung cadangan Pas yang mahu melaksanakan hudud.

Malah kata Karpal, Pas tidak berhak bercakap bagi pihak pakatan pembangkang bahawa mereka akan melaksanakan hukum hudud jika memerintah negara.

Abdul Hadi dalam laporan akhbar 10 Mei lalu menyatakan hukum hudud hanya akan dilaksanakan apabila masalah pengangguran dan kemiskinan diselesaikan serta penetapan gaji minimum dibuat.

Ekoran kenyataan Karpal itu, Ketua Dewan Ulama Pas, Datuk Harun Taib semalam membayangkan Pas mungkin tidak meneruskan kerjasama dengan DAP apabila tiba masanya kelak.

Harun mengakui Pas tidak mempunyai masalah untuk bekerjasama dengan DAP serta Parti Keadilan Rakyat (PKR) namun beliau tidak menafikan dasar perjuangan Pas sering kali mengundang bantahan daripada Karpal.

Mengenai kenyataan Harun, Khalid berkata, beliau tidak dapat mengulas mengenai perkara itu kerana tidak mendengar sendiri kenyataan Harun tersebut.

"Adalah lebih baik perkara itu dirujuk dengan Presiden Pas sendiri," jelasnya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0514&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Politik&pg=po\\_10.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0514&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_10.htm)